

Bimbingan Menjawab Bab 4 : Kuasai Menjawab Untuk LULUS Sejarah

SP 4.3

Struktur

Soalan 1a : Terangkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. [2 markah]	
Panduan : Pelajar perlu memahami maksud kerjasama Persekutuan & Negeri – Garis dan salin semula	
Rujuk muka surat 72	 Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara. Kerjasama ini antaranya meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan.
Soalan 1b : Jelaskan peranan Felda dan Felcra di peringkat awal kemerdekaan. [4 markah]	
Panduan : Mencari beberapa jawapan berkaitan Felda dan Felcra Jawab dalam esei dan ayat lengkap / 2 Felda dan 2 Felcra	
Rujuk muka surat 66	 BAB 4 Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi tertumpu pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan <i>In-Situ</i>. Pada tahun 1956, Kerajaan Persekutuan menubuhkan Federal Land Development Authority (FELDA) atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu. Kejayaan FELDA mendorong Kerajaan Persekutuan menubuhkan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) atau Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada tahun 1966 untuk menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.

Soalan 1c : Pengurusan Felda yang mampan telah berjaya menaikkan nama negara di mata dunia. Sehingga ia menjadi rujukan dalam pembangunan tanah negara. Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kenyataan ini [4 markah]

Panduan : Pelajar perlu memahami maksud dan peranan Felda

Mengenalpasti beberapa kejayaan Felda di mata dunia

Memilih jawapan yang munasabah dengan mengariskan jawapan yang sesuai

Mencuba Pilihan yang TERBAIK – Fakta, Huraian, Contoh dan Inference

Berdasarkan Pengetahuan sedia ada anda	https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2011/01/21/generasi-ketiga-felda-nikmati-kejayaan-yang-bukan-datang-bergolek Pada 18 Januari 2011, Perdana Menteri (Datuk Seri) Najib Tun Razak mengumumkan secara rasminya, selepas pembukaan Felda 51 tahun lalu, bahawa penduduk Felda kini merupakan penduduk berpendapatan sederhana, dengan purata cebukan RM3,000, lebih tinggi daripada pendapatan 40 peratus rakyat Malaysia dalam golongan berpendapatan rendah. Beliau berkata ini rekod pencapaian luar biasa, dan Felda berjaya mengubah keadaan hidup masyarakat yang bertuah kerana terpilih menjadi peneroka yang kini berjumlah 1.6 juta orang. Felda melalui proses transformasi yang agresif sehingga menjadi satu gagasan yang mampu mengubah landskap sosio ekonomi yang diperjuangkan dan Najib berpendapat dengan pendapatan purata RM3,000 itu membolehkan keluarga di Felda menikmati kehidupan lebih berkualiti dengan kos kehidupan yang rendah. Ini hasil kejuteraan ekonomi Felda seperti yang dilaporkan tahun 2010 dengan nilai ladang komersialnya sebanyak RM10 bilion, aliran tunai RM1.3 bilion, tidak termasuk nilai anak syarikat Felda yang meliputi pelbagai petempatan termasuk dalam bidang hartanah dan pasaran saham di dalam dan luar negara dalam usaha meningkatkan pemasaran sawit dan produk Felda yang lain. Koperasi Permodalan Felda juga turut aktif dalam aktiviti pelaburannya. Kejayaan ini memang bukan sekadar mata dicapai, tetapi pencapaiannya juga bukan secara kebetulan, malah dirancang lebih setengah abad lalu hasil pandangan jauh bapa Pembangunan Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein. SATU-SATUNYA DI DUNIA Felda yang kini berbangga dengan slogan "Felda Hanya 1 Di dunia" bertapak dari penerokaan hutan dan sesungguhnya tiada program pembangunan rakyat miskin di luar bandar yang berjaya seperti Felda. Peranan Felda sejak awal lagi ialah memajukan tanah baru untuk dijadikan ladang pertanian yang produktif melalui pengurusan pertanian berkesan dalam kalangan peneroka serta menggalakkan pertumbuhan masyarakat yang maju dan berdisiplin. Perubahan Felda ialah untuk menyebarkan pembahagian ke ekonomi supaya tidak wujud jurang pencapaian ekonomi yang ketara dan Felda memberi inisiatif jangka pendek dan jangka panjang terhadap peneroka dalam usaha membina status sosio ekonomi mereka. Halduktanya peneroka membanting tulang memajukan tanah yang dibuka, tetapi dalam masa yang sama pelbagai kemudahan dibawa masuk ke tanah rancangan Felda – pusat kesihatan, masjid, pejabat pos, balai polis, dewan serbaguna, kompleks sukan, padang, stesen minyak, balai raya, klinik, bidan, pusat komuniti, malah pegawai Felda yang bukan sahaja ditugaskan menyelia kemajuan tanah rancangan tetapi turut sedia mendengar masalah dan aspirasi mereka.	

